

## HURAIAN KALIMAH "AL AMWAL" SECARA KESELURUHANNYA.

- 1) **الاموال** - Harta benda yang mengandungi tiap-tiap barang yang digemari oleh manusia memilikinya. Barang-barang ini dipanggil "**اموال**." **الاموال** mengandungi juga binatang ternakan, ladang pertanian, emas perak dan matawang.
- 2) Amwal, membawa erti tiap-tiap barang yang boleh dimiliki atau diberi pemilikannya (**عملك وعملك**) dimana faedahnya boleh diambil dan menjadi manfaat, seperti tanah, rumah kediaman, kenderaan, alat-alat pengangkutan dan sebagainya.
- 3) Dikira juga sebagai harta ialah hak milik atau didalam istilah baru disebut "*hak cipta*" serta bahan-bahan penulisan, karang mengarang, sijil-sijil pengakuan, surat-surat perakuan mengenai hak cipta, pelan-pelan reka bentuk, grafik, firma-firma perunding, cap-cap perniagaan dan sebagainya. (**حقوق التملك حقوق الحفظ**)

Pendapatan dan harta yang tertakluk kepada hukum zakat, tetapi tidak terdapat di zaman Rasulullah dan para sahabat, yang dikenali di zaman sekarang ini dengan **امور مستجدات**.

Perkara-perkara ini bermakna, terdapat pelbagai hasil pendapatan selepas baginda Rasulullah dan para sahabat dengan meluasnya di zaman sekarang yang di ijtihad oleh ulamak zakat sebagai harta-harta dan pendapatan yang wajib di bayar zakat antaranya:-

1. Semua mata wang yang diperbuat daripada Qartasan.
2. Pendapatan gaji dan byaran-bayaran seumpamanya yang diterima oleh pegawai-pegawai kerajaan, syarikat-syarikat swasta, badan-badan berkanun, firma-firma, syarikat-syarikat korporat dan lain-lain.
3. Wang imbuhan dan persaraan pegawai-pegawai.
4. Saham-saham simpanan tetap, sijil, premium, polisi ansuran dan seumpamanya. Akaun bank, wang simpanan di pejabat-pejabat pos.
5. Rumah-rumah sewa, samada berbentuk kediaman atau tempat-tempat perniagaan serta gudang-gudang, stor dan lain-lainnya.
6. Kilang-kilang industri, bengkel-bengkel perusahaan dan perniagaan.
7. Perusahaan ternakan (Farming) yang mengeluarkan hasil secara teratur serta ternakan lembu susu, lembu daging, arnab, ayam daging, ayam telur, burung-burung puyuh, ikan, udang yang ditenak didalam kolam, sangkar dan berbagai-bagai lagi jenis ternakan yang mendapat hasil yang halal dan lumayan.
8. Harta-harta yang berganda penyuburannya.
9. Harta-harta yang terdinding penyuburannya.
10. Wang simpanan pekerja (KWSP)

11. Perusahaan perniagaan syarikat perniagaan atau perusahaan perseorangnya yang mendatangkan hasil lumayan seperti perusahaan hotel, perusahaan motil, syarikat ansuran, syarikat pelancongan, pengangkutan, firma guaman, klinik-klinik perubatan termasuk dalam kategori itu farmasi-farmasi, firma-firma dan syarikat kewangan, kontrak-kontrak dan agensi pakar perunding (consultant)
12. Kawasan-kawasan (tanah) perusahaan yang diperniagakan.
13. Pendapatan jurujual/broker.
14. Hasil mahsul tanaman kontan.
15. Hutang-hutang lama (lapuk).
16. Sewa-sewa sawah ladang.
17. Maskahwin (mahar).
18. Pelbagai kursus latihan yang dianjurkan oleh orang perseorangan dan badan-badan profesional yang berlatar belakang perusahaan/perniagaan seperti kursus perkahwinan, memandu kenderaan, kelas-kelas bimbingan dan sebagainya.
19. Semua usaha-usaha berlatar belakang perniagaan/perladangan secara bersyarikat perseorangan, badan berkanun.
20. Hasil mahsul harta-harta wakaf khas.
21. Pendapatan dari semua usaha berlatar belakang jual beli secara langsung atau tidak langsung.
22. Wang simpanan si mati sebelum di faraid.
23. Pendapatan dari pampasan yang di bayar oleh kerajaan daripada pengambilan tanah untuk pembangunan dan kemajuan negara ( **مصلحة عامة** ).
24. Bayaran pampasan (ganti rugi) yang diputus oleh mahkamah keatas satu-satu pihak kepada yang terlibat seperti kemalangan, kebakaran dan sebagainya.
25. Wang pembayaran royalti.
26. Wang yang dibawa keluar negeri ke negara luar kerana tujuan pelancongan dan sebagainya.
27. Wang simpanan untuk menunaikan umrah yang tidak disimpan di Lembaga Utusan Tabung Haji.
28. Barang emas perhiasan/batu permata.
29. Pendapatan-pendapatan usaha kerja bebas. ( **امهن الحرة** ).
30. Sewaan-sewaan yang termasuk dalam takrif ( **مستعلات** ).
31. Hasil pendapatan dari gajian-gajian yang termasuk dalam takrif ( **العقولات** ).